



Headline: Rugi RM25,000 ditipu 'pegawai Pos Laju'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 5 July 2020

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 37

Rugi RM25,000 ditipu 'pegawai Pos Laju'

HULU SELANGOR - Seorang wanita warga emas kerugian RM25,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar 'pegawai Pos Laju'.

Timbalan Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Deputy Superitendan Ridzuan Khalid berkata, dalam kejadian Khamis lalu, pesara kerani Angkatan Tentera Malaysia (ATM) itu menerima panggilan yang mendakwa daripada pegawai Pos Laju.

"Suspek memaklumkan mangsa menghantar barang terlarang serta mengandungi kad pengenalan dan kad mesin pengeluaran wang (ATM)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ridzuan berkata, suspek mendakwa mangsa yang berusia 62 tahun itu mempunyai rekod jenayah pengubahan wang haram dan penglibatan dalam dadah serta ada waran tangkap ke atas dirinya," katanya.